

**Zambry selar Malaysian Insider kerana siar laporan palsu
Utusan Online
Ogos 03, 2011**

IPOH 3 Ogos - Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir hari ini membidas portal berita *Malaysia Insider* kerana menyiarkan laporan palsu kononnya kerajaan Barisan Nasional (BN) tewas pada pilihan raya olok-olok baru-baru ini.

Sambil menyifatkan pendedahan tersebut sebagai provokasi terbaru portal berita propembangkang itu, Zambry menegaskan, kerajaan BN Perak tidak pernah mengadakan pilihan raya olok-olok seperti dilaporkan itu.

"Saya tidak tahu dari mana mereka mendapat maklumat ini tetapi tidak hairan kerana ia disiarkan *Malaysian Insider* yang lebih suka memainkan sentimen provokasi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Pada 1 Ogos lalu, portal *Malaysian Insider* memetik sumber UMNO yang berkata, hasil undian pilihan raya olok-olok itu menunjukkan parti tersebut hanya boleh memenangi 27 kerusi daripada 59 kerusi yang dipertandingkan.

Selain itu, laporan itu turut menyebut beberapa pemimpin UMNO bahagian kini bekerja keras berkempen dan melakukan pendaftaran pengundi baru bagi memastikan mereka dicalonkan pada pilihan raya akan datang.

Zambry berkata, tidak wujud sikap iaitu bekerja keras hanya kerana ingin menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang di kalangan pemimpin UMNO bahagian.

"Kita mempunyai 24 bahagian dan berjaya memperkukuh perpaduan khususnya ke arah persiapan menjelang pilihan raya.

"Kita mengamalkan prinsip persefahaman dan musyawarah antara semua parti komponen BN tanpa menafikan pihak lain," katanya.

Dalam perkembangan lain, mengulas mengenai kajian semula fungsi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) yang dilakukan sebuah syarikat audit dan perundingan iaitu Ernst & Young, beliau berkata, agensi kerajaan tersebut memerlukan perubahan total supaya kekal kompetitif.

"Antara laporan awal yang dikeluarkan mereka ialah PKNP memerlukan satu hala tuju strategik selain penambahbaikan pencapaian secara keseluruhan termasuk pembangunan bakat yang seiring dengan cabaran sosio ekonomi semasa," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0804&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm